

**KERAJAAN MALAYSIA**

---

**PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 21 TAHUN 2013**

---

**PINDAAN SKIM PERKHIDMATAN PENJAGA JENTERA ELEKTRIK**

**TUJUAN**

1. Pekeliling perkhidmatan ini bertujuan untuk memaklum dan melaksanakan keputusan kerajaan mengenai pindaan skim perkhidmatan Penjaga Jentera Elektrik.

**LATAR BELAKANG**

2. Seiring dengan pembangunan negara, keperluan tenaga kerja mahir dalam bidang penyenggaraan aset dan bangunan kerajaan semakin meningkat. Dalam usaha untuk menarik tenaga kerja mahir yang mempunyai kemahiran dan kebolehpasaran yang tinggi memasuki perkhidmatan awam, kerajaan telah bersetuju supaya skim perkhidmatan Penjaga Jentera Elektrik ditambah baik yang antara lain melibatkan pindaan syarat lantikan, syarat kenaikan pangkat dan laluan kemajuan kerjaya.

## PINDAAN

3. Skim perkhidmatan Penjaga Jentera Elektrik Gred R17, R22, R24 yang berkuat kuasa dipinda seperti berikut:

- (a) diletakkan di bawah Klasifikasi Perkhidmatan Kejuruteraan (J);
- (b) diperuntukkan gred jawatan/gaji J17, J22, J26;
- (c) diperuntukkan syarat lantikan:
  - (i) Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan serta sekurang-kurangnya Sijil Kekompetenan Kategori A0 (Sistem Voltan Rendah) yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Tenaga atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; dan

Gaji permulaan di Gred J17 ditetapkan mengikut Kategori Sijil Kekompetenan:

- A0/A1 : RM1,318.42
- A4-2/A4-1/A4 : RM1,374.81
- B0-2/B0-1/B0/B1/B4 : RM1,431.21

- (ii) kepujian Bahasa Melayu pada peringkat SPM atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan;
- (d) diperuntukkan syarat sekurang-kurangnya Sijil Kekompetenan Kategori A4-1 (Sistem Voltan Rendah) yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Tenaga atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan bagi kenaikan pangkat daripada Gred J17 ke Gred J22;
- (e) diperuntukkan syarat sekurang-kurangnya Sijil Kekompetenan Kategori B0-2 (Sistem Voltan Tinggi) yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Tenaga atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan

bagi kenaikan pangkat daripada Gred J22 ke Gred J26; dan

- (f) diperuntukkan Peningkatan Secara Lantikan (PSL) ke jawatan Penolong Jurutera Gred JA29 yang kosong tertakluk memenuhi syarat yang ditetapkan dalam skim perkhidmatan berkenaan.

4. Skim perkhidmatan Penjaga Jentera Elektrik yang baharu adalah seperti di **Lampiran A**, format iklan jawatan adalah seperti di **Lampiran B** dan penghuraian kerja umum adalah seperti di **Lampiran C**.

## **PELAKSANAAN**

### **Prinsip Umum Pertukaran Pelantikan**

5. Pegawai hendaklah ditukar lantik ke jawatan baharu di skim perkhidmatan yang sama atau berlainan pada gred yang setara dengan jawatan asal. Pegawai yang ditukar lantik ke skim perkhidmatan dalam kelompok kelayakan lebih tinggi pula, gred jawatan yang akan ditawarkan adalah pada gred lantikan. Sekiranya tiada gred setara, maka jawatan secara Khas Untuk Penyandang (KUP) boleh diwujudkan.

6. Pegawai dalam skim perkhidmatan Penjaga Jentera Elektrik sedia ada yang dilantik secara tetap adalah layak ditukar lantik ke skim perkhidmatan Penjaga Jentera Elektrik yang baharu seperti berikut:

- (a) Penjaga Jentera Elektrik Gred R17 akan ditukar lantik ke skim perkhidmatan Penjaga Jentera Elektrik Gred J17;
- (b) Penjaga Jentera Elektrik Gred R22 akan ditukar lantik ke skim perkhidmatan Penjaga Jentera Elektrik Gred J22; dan
- (c) Penjaga Jentera Elektrik Gred R24 akan ditukar lantik ke skim perkhidmatan Penjaga Jentera Elektrik Gred J26.

7. Jabatan ini [Bahagian Pembangunan Organisasi (BPO)] akan melaksanakan perubahan jawatan Penjaga Jentera Elektrik dalam Senarai Perjawatan sedia ada.

8. Mulai tarikh kuat kuasa skim perkhidmatan ini, semua lantikan hendaklah menggunakan skim perkhidmatan yang baharu dan syarat lantikan yang ditetapkan hendaklah dipatuhi.

### **PEMBERIAN OPSYEN**

9. Ketua Jabatan hendaklah menawarkan opsiyen kepada pegawai yang sedang berkhidmat dalam skim perkhidmatan Penjaga Jentera Elektrik bagi membolehkan pegawai membuat pilihan.

10. Pegawai yang bersetuju menerima opsiyen akan ditukar lantik ke skim perkhidmatan yang baharu.

11. Pegawai yang menolak opsiyen atau tidak membuat sebarang opsiyen atau gagal mengembalikan borang opsiyen dalam tempoh yang ditetapkan tanpa sebab yang munasabah atau membuat opsiyen dengan bersyarat dianggap sebagai tidak bersetuju untuk ditukar lantik ke skim perkhidmatan baharu ini. Dengan ini:

- (a) pegawai akan kekal dalam skim perkhidmatan dan gred jawatan asal secara KUP;
- (b) pegawai akan berada dalam skim perkhidmatan asal yang telah dijumudkan dan tertakluk kepada syarat-syarat skim perkhidmatan asal; dan
- (c) pegawai juga tidak layak menikmati keistimewaan dan penambahbaikan yang diperuntukkan dalam skim perkhidmatan Penjaga Jentera Elektrik yang baharu dan sebarang pindaan kepadanya.

12. Semua pegawai yang terlibat akan diberi tempoh **30 hari** mulai tarikh surat opsyen diedarkan untuk membuat pilihan sama ada menerima atau menolak tawaran opsyen ini. Pilihan yang dibuat adalah **muktamad**.

13. Tawaran opsyen ini hanya diberi kepada pegawai yang bertaraf **tetap** dan masih dalam perkhidmatan pada 1 November 2013, termasuk mereka yang masih dalam tempoh percubaan serta berada dalam Sistem Saraan Malaysia.

14. Tawaran opsyen ini juga hendaklah diberi kepada mereka yang berada dalam keadaan berikut:

- (a) dipinjamkan atau ditukar sementara;
- (b) sedang bercuti;
- (c) tidak hadir bertugas semasa opsyen dikeluarkan dan berkuat kuasa;
- (d) sedang dalam proses tindakan tatatertib; dan
- (e) sedang menjalani hukuman tatatertib.

15. Pegawai yang sedang dalam proses tindakan tatatertib, jika sabit kesalahannya dan dijatuhkan hukuman buang kerja dalam tempoh opsyen, maka tawaran opsyen tersebut dengan sendirinya terbatal.

16. Sekiranya surat tawaran opsyen tidak dapat disampaikan, termasuk kepada pegawai yang berada dalam keadaan seperti di perenggan 14, Ketua Jabatan boleh menawarkan surat tawaran opsyen dengan memberi tempoh yang sama (**30 hari**) untuk membolehkan mereka membuat pilihan, walaupun tempoh opsyen asal telah tamat.

17. Bagi urusan pemberian opsyen pertukaran pelantikan bagi pegawai dalam skim perkhidmatan Penjaga Jentera Elektrik, contoh Surat Tawaran Opsyen Pertukaran Pelantikan, Syarat-syarat Pertukaran Pelantikan dan Borang Opsyen Pertukaran Pelantikan bagi Penjaga Jentera Elektrik Gred R17, R22, R24 adalah seperti di **Lampiran D, D1 dan D2**.

18. Tawaran opsyen ini tidak melibatkan pegawai lantikan **sementara** atau **kontrak** dan perkhidmatan pegawai tersebut perlu ditamatkan. Urusan pelantikan semula pegawai berkenaan akan diuruskan oleh Ketua Jabatan, tertakluk memenuhi syarat skim perkhidmatan yang baharu.

#### **KAEDAH PELAKSANAAN OPSYEN**

19. Bagi melaksanakan opsyen ini, Pihak Berkuasa Melantik, Ketua Jabatan dan pegawai yang terlibat hendaklah mematuhi kaedah yang ditetapkan seperti berikut:

(a) **Pihak Berkuasa Melantik**

Pihak Berkuasa Melantik akan mewakili kuasa kepada Ketua Jabatan untuk menawarkan opsyen pertukaran pelantikan kepada pegawai yang terlibat.

(b) **Ketua Jabatan**

- (i) menawarkan opsyen kepada pegawai terlibat;
- (ii) memberi penjelasan terperinci mengenai opsyen kepada pegawai yang terlibat dan implikasi keputusan yang dibuat;
- (iii) mengemas kini Kenyataan Perkhidmatan dan Kenyataan Cuti pegawai yang terlibat selaras dengan perubahan-perubahan berkaitan; dan
- (iv) melaksanakan pekeliling perkhidmatan dan melaporkan kepada jabatan ini (BPO) mengenai status pelaksanaan pekeliling perkhidmatan ini sebelum 1 Mei 2014 mengikut format seperti di **Lampiran E**.

(c) **Pegawai Yang Ditawarkan Opsyen**

- (i) membaca dengan teliti dan faham mengenai opsyen sebelum membuat keputusan. Jika terdapat sebarang keraguan, pegawai hendaklah merujuk kepada Ketua Jabatan untuk mendapatkan penjelasan selanjutnya. Pemilihan opsyen adalah muktamad;
- (ii) melengkapkan dua (2) salinan borang opsyen iaitu satu (1) salinan untuk disimpan oleh Ketua Jabatan manakala satu (1) salinan lagi untuk pegawai berkenaan; dan
- (iii) mengembalikan borang opsyen dalam tempoh 30 hari mulai tarikh surat tawaran dikeluarkan.

**KAEDAH PENETAPAN GAJI PERMULAAN**

20. Pegawai akan ditawarkan gaji permulaan di jawatan baharu seperti berikut:

- (a) pada gaji minimum di gred jawatan baharu sekiranya gaji akhir di gred jawatan asal adalah sama atau lebih rendah daripada gaji minimum di gred jawatan baharu; atau
- (b) pada amaun gaji yang sama dengan amaun gaji akhir di gred jawatan asal jika gaji akhir di gred jawatan asal lebih tinggi daripada gaji minimum di gred jawatan baharu.

21. Pegawai yang gaji akhirnya tidak dapat ditampung oleh amaun gaji dalam Jadual Gaji Minimum – Maksimum mengikut kaedah di atas, maka jadual gaji KUP hendaklah dipohon daripada jabatan ini (Bahagian Saraan) dengan mengemukakan salinan Kenyataan Perkhidmatan pegawai terlibat yang telah dikemas kini dan disahkan.

22. Contoh kaedah penetapan gaji permulaan bagi pertukaran pelantikan ini adalah seperti di **Lampiran F**.

### **TARIKH PERGERAKAN GAJI**

23. Tarikh Pergerakan Gaji (TPG) bagi pegawai yang terlibat dalam urusan ini dikekalkan mengikut TPG jawatan asal.

### **ELAUN DAN KEMUDAHAN**

24. Urusan pertukaran pelantikan ini tidak melibatkan sebarang perubahan elaun dan kemudahan yang sedang diterima oleh pegawai mengikut pekeliling perkhidmatan/surat pekeliling perkhidmatan/surat edaran yang berkuat kuasa, termasuk Bayaran Insentif Perkhidmatan Kritikal. Walau bagaimanapun, penetapan kadar elaun dan kemudahan tersebut adalah tertakluk kepada penetapan gred jawatan pegawai ditukar lantik.

### **TARIKH KUAT KUASA**

25. Pekeliling perkhidmatan ini berkuat kuasa mulai **1 November 2013**.

### **PEMBATALAN**


26. Dengan berkuat kuasanya pekeliling perkhidmatan ini, maka skim perkhidmatan Penjaga Jentera Elektrik Gred R17, R22, R24 di bawah Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2002 dan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 15 Tahun 2009 adalah dibatalkan kecuali untuk menampung pegawai yang menolak opsyen.



## **PEMAKAIAN**

27. Tertakluk kepada penerimaannya oleh pihak berkuasa masing-masing, pekeliling perkhidmatan ini dipanjangkan kepada semua Perkhidmatan Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**



**(TAN SRI MOHAMAD ZABIDI ZAINAL)**  
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam  
Malaysia

JABATAN PERKHIDMATAN AWAM  
MALAYSIA  
PUTRAJAYA

29 Oktober 2013

Semua Setiausaha Suruhanjaya Perkhidmatan

Semua Ketua Setiausaha Kementerian

Semua Ketua Jabatan Persekutuan

Semua YB Setiausaha Kerajaan Negeri

Semua Pihak Berkuasa Berkanun

Semua Pihak Berkuasa Tempatan

**SKIM PERKHIDMATAN  
PENJAGA JENTERA ELEKTRIK**

<b>KLASIFIKASI</b>	<b>:</b>	<b>PERKHIDMATAN KEJURUTERAAN</b>
<b>KUMPULAN PERKHIDMATAN</b>	<b>:</b>	<b>PELAKSANA</b>
<b>GRED JAWATAN/GAJI</b>	<b>:</b>	<b>J17, J22, J26</b>
<b>TARIKH KUAT KUASA</b>	<b>:</b>	<b>1 NOVEMBER 2013</b>

**SYARAT LANTIKAN**

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:
  - (a) warganegara Malaysia;
  - (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
  - (c) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan serta sekurang-kurangnya Sijil Kekompetenan Kategori A0 (Sistem Voltan Rendah) yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Tenaga atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

Gaji permulaan di Gred J17 ditetapkan mengikut Kategori Sijil Kekompetenan:

- A0/A1 : RM1,318.42
- A4-2/A4-1/A4 : RM1,374.81
- B0-2/BO-1/B0/B1/B4 : RM1,431.21

**SYARAT KELAYAKAN  
BAHASA MELAYU**

2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kepujian dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

**SYARAT PENINGKATAN  
SECARA LANTIKAN**

3. Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Operator Loji, Pembantu Awam atau Pemandu/Operator Jentera Pemungkah adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk peningkatan secara lantikan ke jawatan Penjaga Jentera Elektrik Gred J17, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:
  - (a) mempunyai kelayakan di perenggan 1(c) di atas; dan
  - (b) had umur pelantikan:
    - (i) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 atau 56 tahun; atau
    - (ii) berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun; atau
    - (iii) berumur kurang dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60 tahun.

**PENETAPAN GAJI  
PERMULAAN**

4. Gaji permulaan yang lebih tinggi daripada gaji minimum Gred J17 boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berasaskan kepada pengalaman kerja atau kemahiran berkaitan.

**TEMPOH PERCUBAAN**

5. Pegawai yang dilantik adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 1 hingga 3 tahun.

**LATIHAN**

6. Pegawai boleh dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan.

**PROGRAM TRANSFORMASI  
MINDA**

7. Pegawai dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda.

**PENGESAHAN DALAM  
PERKHIDMATAN**

8. Pegawai yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah:

- (a) memenuhi tempoh percubaan;
- (b) hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda; dan
- (c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

**PERGERAKAN GAJI TAHUNAN**

9. Pergerakan Gaji Tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan berdasarkan prestasi perkhidmatan.

**KEPERLUAN KOMPETENSI  
DAN POTENSI**

10. Pegawai hendaklah memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan untuk kenaikan pangkat.

**KENAIKAN PANGKAT  
KE GRED J22**

11. Penjaga Jentera Elektrik Gred J17 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Penjaga Jentera Elektrik Gred J22 yang kosong apabila telah:

- (a) disahkan dalam perkhidmatan;
- (b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
- (c) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan;
- (d) memiliki sekurang-kurangnya Sijil Kekompetenan Kategori A4-1 (Sistem Voltan Rendah) yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Tenaga atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan; dan
- (e) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT  
KE GRED J26**

12. Penjaga Jentera Elektrik Gred J22 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Penjaga Jentera Elektrik Gred J26 yang kosong apabila telah:

- (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
- (b) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan;
- (c) memiliki sekurang-kurangnya Sijil Kekompetenan Kategori B0-2 (Sistem Voltan Tinggi) yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Tenaga atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan; dan
- (d) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

**PENINGKATAN SECARA  
LANTIKAN KE JAWATAN  
PENOLONG JURUTERA  
GRED JA29**

13. Penjaga Jentera Elektrik yang menunjukkan prestasi yang cemerlang adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk peningkatan secara lantikan ke jawatan Penolong Jurutera Gred JA29 yang kosong mengikut syarat-syarat yang ditetapkan dalam skim perkhidmatan berkenaan.

**Nota:** Skim perkhidmatan ini membatalkan skim perkhidmatan Penjaga Jentera Elektrik yang berkuat kuasa pada 1.11.2002 (Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2002) dan 2.7.2009 (Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 15 Tahun 2009).

## LAMPIRAN B

### FORMAT IKLAN JAWATAN

Rujukan Fail:

1. (a) Jawatan : Nyatakan nama jawatan seperti dalam skim perkhidmatan berkenaan.
- (b) Kementerian/Jabatan/Badan Berkanun/Kuasa Tempatan\* : Nama Agensi.
- (c) Kumpulan Perkhidmatan : Nyatakan sama ada Kumpulan Pengurusan dan Profesional atau Kumpulan Pelaksana.
- (d) Klasifikasi Perkhidmatan : Nyatakan Klasifikasi Perkhidmatan yang mengandungi skim perkhidmatan tersebut wujud.
2. Jadual Gaji : Rujuk pekeliling perkhidmatan yang berkuat kuasa.
3. Syarat Lantikan : Seperti syarat lantikan dalam skim perkhidmatan yang berkenaan.
4. Taraf Jawatan : Nyatakan sama ada bertaraf tetap, sementara atau kontrak.
5. Penaklukan Di Bawah Syarat-syarat Skim Perkhidmatan : Pegawai-pegawai yang memasuki perkhidmatan (nyatakan seperti di 1(a) di atas) adalah tertakluk kepada syarat-syarat skim perkhidmatan berkenaan yang sedang berkuat kuasa serta pindaan-pindaan yang dibuat ke atasnya dari semasa ke semasa.
6. Fungsi Bidang Tugas : Untuk diisi oleh Ketua Perkhidmatan setiap kali pengiklanan dibuat.
7. Tarikh Tutup Permohonan : Nyatakan tarikh tutup permohonan.

(\* Potong mana yang tidak berkenaan)

**PENGHURAIAN KERJA UMUM  
PENJAGA JENTERA ELEKTRIK**

**1. SKIM PERKHIDMATAN**

Penjaga Jentera Elektrik Gred J17, J22, J26.

**2. PERINGKAT ORGANISASI**

Pelbagai kementerian/jabatan/agensi kerajaan.

**3. RINGKASAN TUGAS**

Bertanggungjawab melaksanakan skop tugas penyenggaraan dan operasi ke atas sistem pemasangan elektrik dengan memastikan tatacara/prosedur keselamatan adalah sentiasa dipatuhi bagi memenuhi keperluan Akta Bekalan Elektrik 1990 dan Peraturan-Peraturan Elektrik 1994.

**4. SKOP FUNGSI DAN BIDANG TUGAS**

**4.1 Aspek Operasi**

- (a) Membantu mengurus kerja penyenggaraan elektrik bagi pihak jabatan, termasuk kerja-kerja pemasangan elektrik sementara dan khidmat tunggu sedia pada upacara majlis rasmi.
- (b) Mengenal pasti, memeriksa dan menguji peralatan dan komponen elektrik (contoh, papan suis utama dan papan suis kecil) di bangunan-bangunan kerajaan supaya sentiasa berkeadaan baik dan selamat.
- (c) Merekod, menyimpan rekod dan menyelenggara rekod senggaraan elektrik. Segala aktiviti senggara perlu didokumenkan dengan baik dengan menggunakan borang dan buku log.
- (d) Membantu melaksanakan kerja-kerja pemeriksaan/inspektorat ke atas pemasangan elektrik untuk premis-premis kerajaan.
- (e) Melaksanakan/mengendalikan kerja serta operasi bagi sistem elektrik voltan rendah dan tinggi termasuk jana kuasa tunggu sedia.

#### 4.2 **Aspek Pembangunan**

Bertanggungjawab memastikan dan menunjuk ajar serta memberi latihan kepada kumpulan penyenggaraan bawahan dalam melaksanakan tugas mengikut amalan teknikal yang betul dan selamat, berdasarkan prosedur dan peraturan yang berkuat kuasa.

### 5. **HUBUNGAN KERJA**

#### 5.1 **Dalaman**

- (a) Pengurusan atasan.
- (b) Rakan sekerja di bahagian/unit/cawangan yang sama.
- (c) Pegawai di bahagian lain dalam organisasi yang sama.

#### 5.2 **Luaran**

- (a) Suruhanjaya Tenaga.
- (b) Agensi kerajaan.
- (c) Agensi swasta.
- (d) Badan/pertubuhan antarabangsa.

### 6. **PERSEKITARAN KERJA**

Dalam dan luar pejabat.

### 7. **KOMPETENSI YANG DIPERLUKAN**

- (a) Memiliki kelayakan dan sijil sebagai seorang kompeten mengikut Akta Bekalan Elektrik 1990 dan Peraturan-Peraturan Elektrik 1994.
- (b) Berkebolehan dalam merancang dan mengurus kerja-kerja penyenggaraan dan kakitangan bawahan.
- (c) Berkebolehan berkomunikasi secara lisan dan bertulis dalam Bahasa Malaysia.
- (d) Berkebolehan menulis laporan dan membuat analisis.
- (e) Berkebolehan menggunakan teknologi maklumat.

### 8. **SIFAT-SIFAT YANG BERSESUAIAN DENGAN JAWATAN**

- (a) Kompeten.
- (b) Berintegriti.
- (c) Bertanggungjawab.
- (d) Profesionalisme.
- (e) Kualiti.
- (f) Disiplin.

- (g) Menepati masa.
- (h) Tidak cacat anggota badan (contoh: buta, pekak dan lain-lain)

**9. ANCAMAN/BAHAYA**

- (a) Terdedah kepada kemalangan.
- (b) Boleh mengakibatkan bahaya kepada pengguna dan aset.
- (c) Boleh dikenakan tindakan undang-undang.
- (d) Faktor kesihatan (fitness) yang menghalang pelaksanaan tugas.



**SURAT TAWARAN OPSYEN PERTUKARAN PELANTIKAN  
(PENJAGA JENTERA ELEKTRIK GRED R17, R22, R24)**

( Nama dan Alamat Ketua Jabatan )

.....  
.....

---

Fail Ruj.:

Tarikh:

Nama : (Nama pegawai)

Alamat : .....  
.....

Tuan/Puan,

**TAWARAN PERTUKARAN PELANTIKAN BERIKUTAN PINDAAN SKIM  
PERKHIDMATAN PENJAGA JENTERA ELEKTRIK GRED R17, R22, R24  
MELALUI PEMBERIAN OPSYEN**

Dengan hormatnya dimaklumkan bahawa Kerajaan telah memutuskan supaya pindaan skim perkhidmatan Penjaga Jentera Elektrik dilaksanakan berkuat kuasa pada **1 November 2013**. Sehubungan itu, tuan/puan dengan ini ditawarkan pertukaran pelantikan ke skim perkhidmatan Penjaga Jentera Elektrik Gred ..... di (Nama Jabatan) di bawah Klasifikasi Perkhidmatan Kejuruteraan.

2. Tawaran pertukaran pelantikan melalui opsyen ini tertakluk kepada syarat-syarat seperti dinyatakan di **Lampiran D1**. Tuan/Puan dikehendaki memberi jawapan sama ada **menerima atau menolak tawaran** pertukaran pelantikan ini dengan mengisi Borang Opsyen di **Lampiran D2**. Jawapan tuan/puan hendaklah sampai ke pejabat ini sebelum atau pada ..... (30 hari mulai tarikh surat tawaran dikeluarkan).

2.1 Sekiranya tuan/puan **menerima tawaran**, tuan/puan hendaklah:

Menandakan (✓) dalam kotak yang disediakan **di perenggan (a) dalam Borang Opsyen di Lampiran D2**;

**atau**

2.2 Sekiranya tuan/puan **menolak tawaran**, tuan/puan hendaklah:

Menandakan (✓) dalam kotak yang disediakan **di perenggan (b) dalam Borang Opsyen di Lampiran D2**. Tuan/Puan akan dikekalkan di dalam skim perkhidmatan dan gred jawatan asal secara Khas Untuk Penyandang (KUP).

Sekian, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menurut perintah,

.....  
(Tandatangan Ketua Jabatan)

## LAMPIRAN D1

### SYARAT-SYARAT PERTUKARAN PELANTIKAN MELALUI OPSYEN BAGI PENJAGA JENTERA ELEKTRIK GRED R17, R22, R24

1. Kerajaan telah memutuskan supaya pindaan skim perkhidmatan Penjaga Jentera Elektrik dilaksanakan berkuat kuasa pada **1 November 2013**. Dengan keputusan itu, tuan/puan diberi opsyen sama ada **menerima** tawaran untuk **ditukar lantik** ke skim perkhidmatan **Penjaga Jentera Elektrik Gred .....** ataupun **menolak tawaran** pertukaran pelantikan. Jika tuan/puan **menolak tawaran pertukaran pelantikan ini**, tuan/puan akan **dikekalkan dalam skim perkhidmatan dan gred jawatan asal secara Khas Untuk Penyandang (KUP)**. Opsyen ini adalah **muktamad**. **OPSYEN**
2. Tempoh opsyen yang diberi kepada tuan/puan untuk membuat pilihan ialah **30 hari** mulai dari tarikh surat tawaran dikeluarkan. Jika tuan/puan tidak membuat pilihan atau tidak melaporkan diri bertugas pada tarikh yang ditetapkan atau membuat pilihan dengan bersyarat atau gagal mengembalikan borang opsyen tanpa sebarang sebab yang munasabah, tuan/puan adalah **dianggap menolak** tawaran pertukaran pelantikan dan akan dikekalkan dalam skim perkhidmatan dan gred jawatan asal secara KUP. **TEMPOH MEMBUAT OPSYEN**
3. Tuan/Puan akan ditawarkan ke skim perkhidmatan **Penjaga Jentera Elektrik Gred .....** **JAWATAN YANG DITAWARKAN**
4. Tuan/Puan akan tertakluk kepada syarat dan peraturan yang diperuntukkan dalam skim perkhidmatan yang tuan/puan ditukar lantik. **PEMAKAIAN SYARAT DAN PERATURAN PERKHIDMATAN BAHARU**
5. Tuan/Puan yang memilih untuk terus ditukar lantik ke skim perkhidmatan **Penjaga Jentera Elektrik** akan ditawarkan: **GAJI PERMULAAN**
  - (a) gaji minimum di gred jawatan baharu sekiranya gaji akhir di gred jawatan asal adalah sama atau lebih rendah daripada gaji minimum di gred jawatan baharu; atau
  - (b) gaji yang sama dengan gaji akhir di gred jawatan asal jika gaji akhir tuan/puan di gred jawatan asal lebih tinggi daripada gaji minimum di gred jawatan baharu.

Pegawai yang gaji akhirnya tidak dapat ditampung oleh amaun gaji mengikut kaedah di atas, maka jadual gaji Khas Untuk Penyandang (KUP) hendaklah dipohon daripada Bahagian Saraan, JPA.

6. Tarikh Pergerakan Gaji (TPG) tuan/puan akan dikekalkan mengikut TPG jawatan asal.
7. Tuan/Puan **dikecualikan** daripada syarat tempoh percubaan **jika tuan/puan telah disahkan** dalam perkhidmatan asal. Walau bagaimanapun untuk tujuan pencen, tuan/puan hendaklah disahkan dalam perkhidmatan baharu oleh Pihak Berkuasa Melantik pada bila-bila masa dalam tempoh enam (6) bulan dari tarikh kuat kuasa pertukaran pelantikan.
8. Tuan/Puan yang **belum disahkan** dalam perkhidmatan asal, dikehendaki **menghabiskan baki** tempoh percubaan dan boleh disahkan dalam perkhidmatan pada bila-bila masa sekiranya telah mencukupi tempoh sekurang-kurangnya satu (1) tahun termasuk mengambil kira tempoh percubaan jawatan asal tertakluk dengan syarat tuan/puan telah memenuhi semua syarat pengesahan dalam perkhidmatan yang ditetapkan. Syarat-syarat pengesahan dalam perkhidmatan yang telah dipenuhi dengan jayanya semasa di jawatan asal adalah dikecualikan.
9. Kekananan tuan/puan di jawatan baharu akan dikekalkan.
10. Jika tuan/puan belum disahkan dalam perkhidmatan, tuan/puan layak diberi opsyen skim Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) sebelum diperakukan pengesahan dalam perkhidmatan di jawatan baharu.
11. Taraf berpencen yang diberi kepada tuan/puan sebelum pertukaran pelantikan ini dikuatkuasakan akan dikekalkan.
12. Tuan/Puan dibenarkan membawa baki cuti rehat tahunan dan cuti rehat yang telah dikumpulkan untuk tujuan award wang tunai sebagai gantian cuti rehat, mengikut syarat dan peraturan yang berkuat kuasa.
13. Tuan/Puan boleh ditempatkan berkhidmat di mana-mana jua sepertimana yang diarahkan oleh Ketua Perkhidmatan/ Ketua Jabatan.
14. Ketua Perkhidmatan tuan/puan ialah .....

**TARIKH  
PERGERAKAN GAJI**

**TEMPOH  
PERCUBAAN BAGI  
PEGAWAI YANG  
TELAH DISAHKAN**

**TEMPOH  
PERCUBAAN BAGI  
PEGAWAI YANG  
BELUM DISAHKAN**

**KEKANANAN**

**OPSYEN SKIM KWSP**

**TARAF BERPENCEN  
DIKEKALKAN**

**CUTI REHAT**

**PENEMPATAN**

**KETUA  
PERKHIDMATAN**

- |     |  |  |
|-----|--|--|
| 15. | Tuan/Puan akan sentiasa tertakluk kepada peraturan dan arahan yang berkuat kuasa dalam perkhidmatan awam.  | <b>KEPERLUAN<br/>MEMATUHI<br/>PERATURAN</b>        |
| 16. | Tuan/Puan dikecualikan daripada syarat pemeriksaan perubatan, akuan berkanun, aku janji dan tapisan keselamatan sekiranya tuan/puan telah memenuhi syarat tersebut semasa di jawatan asal.                                   | <b>SYARAT<br/>PELANTIKAN YANG<br/>DIKECUALIKAN</b> |
| 17. | Pertukaran pelantikan tuan/puan melalui pemberian opsyen ini adalah berkuat kuasa mulai <b>1 November 2013</b> .   | <b>TARIKH KUAT<br/>KUASA</b>                       |
| 18. | Hubungan tuan/puan dengan perkhidmatan asal adalah terputus <b>kecuali</b> bagi tujuan faedah persaraan dan kemudahan-kemudahan lain yang diberi berdasarkan tempoh perkhidmatan seperti cuti rehat, cuti haji dan pinjaman. | <b>HUBUNGAN DENGAN<br/>PERKHIDMATAN<br/>ASAL</b>   |

**BORANG OPSYEN  
(PENJAGA JENTERA ELEKTRIK GRED R17, R22, R24)**

---

Fail Rujukan :  
Tarikh :

( Nama dan Alamat Ketua Jabatan )

.....  
.....

Tuan,

**TAWARAN PERTUKARAN PELANTIKAN BERIKUTAN PINDAAN SKIM  
PERKHIDMATAN PENJAGA JENTERA ELEKTRIK GRED R17, R22, R24  
MELALUI PEMBERIAN OPSYEN**

---

Berhubung dengan surat tuan bil.: ..... bertarikh  
..... mengenai perkara di atas, maka saya dengan ini membuat pilihan  
seperti berikut:

- \* (a)  **Menerima tawaran** pertukaran pelantikan ke skim perkhidmatan **Penjaga Jentera Elektrik** di (nama Jabatan) di bawah Klasifikasi Perkhidmatan Kejuruteraan dengan gaji RM..... atas Gred ..... dengan syarat yang dinyatakan di **Lampiran D1** surat tawaran tuan:

**ATAU**

- (b)  **Menolak tawaran** pertukaran pelantikan ke skim perkhidmatan **Penjaga Jentera Elektrik Gred ....** di (nama Jabatan) dan dengan ini bersetuju kekal dalam skim perkhidmatan dan gred jawatan asal secara Khas Untuk Penyandang (KUP).

2. Saya sesungguhnya faham kandungan surat tawaran ini dan implikasi ke atas pilihan yang saya buat.

Tandatangan: .....  
Nama Penuh:  
No.Kad Pengenalan:  
Jawatan:  
Tarikh:

Di hadapan:

.....  
SAKSI\*\*

Nama Penuh:  
No. Kad Pengenalan:  
Jawatan:  
Alamat:

Tarikh:

---

**Nota:**

- \* Tandakan (✓) dalam salah satu petak yang berkenaan.
- \*\* Ketua Jabatan atau Pegawai dalam Kumpulan Pengurusan dan Profesional.





**CONTOH 1: KAEDAH PENETAPAN GAJI PERMULAAN BAGI  
PERTUKARAN PELANTIKAN PENJAGA JENTERA ELEKTRIK GRED R17  
KEPADA PENJAGA JENTERA ELEKTRIK GRED J17**

Tarikh Kuat Kuasa : 1 November 2013  
 Tarikh Pergerakan Gaji : 1 April  
 Gaji Minimum - Maksimum J17 : RM953.00 - RM3,490.00  
 Kenaikan Gaji Tahunan J17 : RM95

<b>Tarikh</b>	<b>Gaji Sekarang Gred R17 (RM)</b>	<b>Gaji Baharu Gred J17 (RM)</b>	<b>Catatan</b>
31.10.2013	2,324.73	-	Gaji pegawai sehari sebelum tarikh kuat kuasa pertukaran pelantikan.
1.11.2013	2,324.73	2,324.73	Tarikh kuat kuasa pertukaran pelantikan. Penetapan gaji permulaan pertukaran pelantikan pada amaun gaji yang sama dengan gaji akhir di gred jawatan asal. TPG dikekalkan pada 1 April.
1.4.2014	-	2,419.73 [diberi 1 KGT di Gred J17 iaitu RM95]	TPG gred jawatan baharu. Diberi pergerakan gaji biasa mengikut keputusan PPSM.

**Catatan:**

PPSM : Panel Pembangunan Sumber Manusia  
 TPG : Tarikh Pergerakan Gaji  
 KGT : Kenaikan Gaji Tahunan

**CONTOH 2: KAEDAH PENETAPAN GAJI PERMULAAN BAGI  
PERTUKARAN PELANTIKAN PENJAGA JENTERA ELEKTRIK GRED R22  
KEPADA PENJAGA JENTERA ELEKTRIK GRED J22**

Tarikh Kuat Kuasa : 1 November 2013  
 Tarikh Pergerakan Gaji : 1 April  
 Gaji Minimum - Maksimum J22 : RM2,184.00 - RM4,265.00  
 Kenaikan Gaji Tahunan J22 : RM115

<b>Tarikh</b>	<b>Gaji Sekarang Gred R22 (RM)</b>	<b>Gaji Baharu/ Gred J22 (RM)</b>	<b>Catatan</b>
31.10.2013	2,104.35	-	Gaji pegawai sehari sebelum tarikh kuat kuasa pertukaran pelantikan.
1.11.2013	2,104.35	2,184.00	Tarikh kuat kuasa pertukaran pelantikan. Penetapan gaji permulaan pertukaran pelantikan pada gaji minimum di gred jawatan baharu kerana gaji akhir di gred jawatan asal lebih rendah daripada gaji minimum di gred jawatan baharu. TPG dikekalkan pada 1 April.
1.4.2014	-	2,299.00 [diberi 1 KGT di Gred J22 iaitu RM115]	TPG Gred J22 Diberi pergerakan gaji biasa mengikut keputusan PPSM.

**Catatan:**

PPSM : Panel Pembangunan Sumber Manusia  
 TPG : Tarikh Pergerakan Gaji  
 KGT : Kenaikan Gaji Tahunan

**CONTOH 3: KAEDAH PENETAPAN GAJI PERMULAAN BAGI PERTUKARAN  
PELANTIKAN PENJAGA JENTERA ELEKTRIK GRED R24  
KEPADA PENJAGA JENTERA ELEKTRIK GRED J26**

Tarikh Kuat Kuasa : 1 November 2013  
 Tarikh Pergerakan Gaji : 1 Julai  
 Gaji Minimum - Maksimum J26 : RM2,505.00 - RM4,790.00  
 Kenaikan Gaji Tahunan J26 : RM125

<b>Tarikh</b>	<b>Gaji Sekarang Gred R24 (RM)</b>	<b>Gaji Baharu Gred J26 (RM)</b>	<b>Catatan</b>
31.10.2013	2,791.64	-	Gaji pegawai sehari sebelum tarikh kuat kuasa pertukaran pelantikan.
1.11.2013	2,791.64	2,791.64	Tarikh kuat kuasa pertukaran pelantikan. Penetapan gaji permulaan pertukaran pelantikan pada amaun gaji yang sama dengan gaji akhir di gred jawatan asal. TPG dikekalkan pada 1 Julai.
1.7.2014	-	2,916.64 [diberi 1 KGT di Gred J26 iaitu RM125]	TPG gred jawatan baharu. Diberi pergerakan gaji biasa mengikut keputusan PPSM.

**Catatan:**

PPSM : Panel Pembangunan Sumber Manusia  
 TPG : Tarikh Pergerakan Gaji  
 KGT : Kenaikan Gaji Tahunan

**CONTOH 2: KAEDAH PENETAPAN GAJI PERMULAAN BAGI  
PERTUKARAN PELANTIKAN PENJAGA JENTERA ELEKTRIK GRED R22  
KEPADA PENJAGA JENTERA ELEKTRIK GRED J22**

Tarikh Kuat Kuasa : 1 November 2013  
 Tarikh Pergerakan Gaji : 1 April  
 Gaji Minimum - Maksimum : RM2,184.00 - RM4,265.00  
 Kenaikan Gaji Tahunan : RM115

<b>Tarikh</b>	<b>Gaji Sekarang Gred R22 (RM)</b>	<b>Gaji Baharu Gred J22 (RM)</b>	<b>Catatan</b>
31.10.2013	2,104.35	-	Gaji pegawai sehari sebelum tarikh kuat kuasa pertukaran pelantikan.
1.11.2013	2,104.35	2,184.00	Tarikh kuat kuasa pertukaran pelantikan. Penetapan gaji permulaan pertukaran pelantikan pada gaji minimum di gred jawatan baharu kerana gaji akhir di gred jawatan asal lebih rendah daripada gaji minimum di gred jawatan baharu. TPG dikekalkan pada 1 April.
1.4.2014	-	2,299.00 [diberi 1 KGT di Gred J22 iaitu RM115]	TPG Gred J22. Diberi pergerakan gaji biasa mengikut keputusan PPSM.

**Catatan:**

PPSM : Panel Pembangunan Sumber Manusia

TPG : Tarikh Pergerakan Gaji

KGT : Kenaikan Gaji Tahunan